



Buletin
JAWHAR
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



• PRAGMATIK • RESPONSIF • OBJEKTIF

Bil. 2/2010

ISSN 1985-2029



**Majlis Perasmian
Asrama Anak Yatim di Derga, Kedah**

**Majlis Penyerahan Bangunan Asrama Anak
Yatim di Machang, Kelantan**



DARI MEJA KETUA EDITOR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T., kepadaNya kita memohon keampunan, pertolongan, taufik dan hidayah serta perlindungan daripada keburukan hawa nafsu dan amalan. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., keluarga dan para sahabat Baginda yang dikasihi.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan petunjuk dan inayahNya dapat kita bersua lagi pada sidang Buletin JAWHAR Bil.2/2010 bagi meneruskan kesinambungan transformasi untuk menyediakan input terbaik kepada para pembaca sekalian.

Para pembaca yang dirahmati Allah S.W.T. sekalian,

Kini, kita berada di bulan Rejab yang bermaksud mengagungkan atau memuliakan. Rejab termasuk dalam bulan yang dimuliakan Allah S.W.T. Keistimewaannya dijelaskan oleh Baginda Rasulullah S.A.W. dalam sebuah hadis yang bermaksud:

“Bahawa kelebihan Rejab atas bulan-bulan selainnya seperti kelebihan Quran atas segala kalam”.

Adalah masyhur di kalangan masyarakat disunatkan untuk berpuasa pada hari pertama Rejab, Khamis minggu pertama Rejab, 15 Rejab dan 27 Rejab sempena Israk Mikraj. Fadhilat amalan berpuasa di bulan Rejab adalah tidak ternilai ganjarannya.

Tanggal malam 27 Rejab pula dikaitkan dengan berlakunya Israk dan Mikraj, peristiwa bersejarah yang membuktikan kebenaran kenabian Nabi Muhammad S.A.W. Peristiwa tersebut telah menguji keimanan dan keyakinan umat Islam terhadap kekuasaan Allah yang Maha Esa.

Pembaca sekalian,

Dalam kesibukan menguruskan urusan dunia, sebagai hamba Allah S.W.T. kita hendaklah merebut rahmat dan keistimewaan di bulan-bulan tersebut demi untuk mendapatkan keredhaan dan keberkatanNya dalam segala tugas dan amalan yang dikerjakan.

Di samping merebut kelebihan bulan mulia ini dengan mendoakan kesejahteraan diri, seharusnya kita tidak alpa dalam mendoakan kedua ibu bapa dan orang-orang yang banyak berjasa dalam hidup kita. Bersyukurlah bahawa kita dilahirkan di bumi bertuah ini demi untuk mencari kejayaan hidup di dunia dan akhirat juga.

Semoga dengan ketaqwaan itu, akan berlaku penjenamaan kendiri ke arah memperbaiki kualiti peribadi, berdisiplin, berdedikasi, berjiwa luhur, berminda bersih, berdaya tahan dan berintegriti.

Justeru itu, marilah kita bersama-sama meningkatkan produktiviti kerja di samping mendapat pahala ibadah bagi perkara baik yang kita kerjakan dan semoga kita mendapat keredhaan dan kejayaan hidup dunia akhirat.

Sekian, terima kasih

والسلام

Khalid bin Mohamed
Timbalan Ketua Pengarah
JAWHAR

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

KETUA EDITOR :

En. Khalid b. Mohamed

EDITOR :

Dr. Norazman b. Ismail

En. Ahmad Munir b. Ishak

Pn. Rosmawati bt. Yas

Pn. Norlizah bt. Mainoordin

PEMBANTU EDITOR :

Cik Wan Nur Izzati bt. Wan Azahari

Cik Dahlia bt. Ishak

Pn. Rohaizah bt. Mohd Rojulan

En. Mohd Fazarul b. Mohd Safain

Cik Kamariah Nor bt. Mohd Nong

GRAFIK :

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

JURUFOTO :

En. Muhamad Ridzuan b. Sabli

En. Rozali b. Maarof

KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah JAWHAR....3

Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Wasiat Islam....4

Majlis Perasmian Asrama Anak Yatim, Derga, Kedah....5

Majlis Penyerahan Bangunan Asrama Anak Yatim, Machang, Kelantan....6

Majlis Penyerahan Bangunan Ruang Niaga, Tambun, Perak.....7

Galeri JAWHAR.....8

Hibah Membentuk Masyarakat Ideal....10

Tips Memilih Agensi Pengelola Badal Haji....11

Gotong-Royong Perdana JAWHAR....12

Berita Warga JAWHAR....13

Sijil....16

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JAWHAR



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, marilah kita merafakkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. dan memanjangkan selawat serta salam buat kekasih Allah, Nabi Muhammad S.A.W., kaum keluarga dan sahabat Baginda sekalian. Dengan limpah kurniaNya, sekali lagi kita berjaya menerbitkan Buletin JAWHAR Bil.2/2010 yang mencoretkan berita-berita bermanfaat untuk pengisian rohani kita khususnya dan umat Islam umumnya.

Sama ada kita sedar atau tidak, kita sedang berada di pertengahan tahun kesepuluh milenium dan bahang persaingan dunia semakin membara. Justeru itu, kita perlu sentiasa mempertingkatkan kehebatan serta keharmonian sesama umat Islam demi menjaga kemaslahatan ummah.

Seperti mana yang kita sedia maklum, setiap individu Muslim ada tanggungjawab yang perlu ditunaikan sama ada dalam bentuk hubungannya dengan Allah S.W.T. ataupun hubungannya dengan manusia yang menjadi prasyarat ke arah membentuk modal insan berkualiti, berintegriti dan produktif dalam semua aspek.

Untuk melunasi tuntutan hubungan dengan Allah S.W.T., banyak cabaran yang perlu dihadapi. Untuk mencapai matlamat ini, seseorang itu perlu memiliki jati diri yang kuat, beristiqamah, tidak mudah berputus asa dan sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan. Jika seseorang itu menjaga hubungan ini, maka hubungannya dengan manusia juga akan menjadi baik dan setiap perkara yang dilakukan akan menjadi mudah.

Dalam sesebuah organisasi, seseorang itu mempunyai tugas atau amanah masing-masing yang perlu dilaksanakan dengan tekun atas masa, tenaga dan kemampuan yang telah diperuntukkan dan akan diberikan ganjaran yang sewajarnya dalam bentuk gaji dan sebagainya. Namun begitu, perlu diingat bahawa ganjaran daripada Allah S.W.T. akan diperolehi sekiranya kita melakukan tugas yang diamanahkan itu dengan sebaik-baiknya dan itqan.

Sekiranya kita dianugerahi kelebihan seperti kebijaksanaan, tenaga fizikal yang kuat dan pangkat yang tinggi, wajib bagi kita memanfaatkannya untuk memberi perkhidmatan yang berkesan bagi kemajuan diri, keluarga, organisasi dan ummah sejagat. Selain itu, nikmat-nikmat tersebut perlu dikongsi bersama dengan orang lain kerana Allah S.W.T. akan menambahkan lagi nikmat tersebut dan setiap urusan akan dipermudahkan. Jika nikmat itu disalahgunakan, Allah S.W.T. akan menarik kembali nikmat itu pada bila-bila masa sahaja.

Kepentingan sikap suka bersyukur ini ada ditegaskan dalam al-Quran yang bermakud;


“Barangsiapa yang bersyukur dengan nikmat Ku nescaya Aku akan tambahkan lagi nikmat. Barangsiapa yang tidak mensyukurinya, ingatlah, sesungguhnya azab Ku amatlah pedih”. [Surah Ibrahim: Ayat 7]

Oleh itu, caknailah selalu budaya bersyukur dalam kehidupan kita dan ingatlah bahawa apa yang kita perolehi hanyalah sementara serta sebagai ujian untuk melihat sejauh manakah kita dapat menzahirkan pengabdian terhadap Allah S.W.T. yang sempurna dan juga ukhuwah sesama manusia.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja JAWHAR yang sentiasa mendokong aspirasi JAWHAR agar kekal relevan dan menjadi Jabatan terunggul dalam sektor awam untuk menerajui keterbilangan ummah.

Sekian, terima kasih

والسلام


Dato' Dr. Hj. Suhaimi Dj. Mohd Salleh
Ketua Pengarah
JAWHAR

BENGKEL PENYEDIAAN MANUAL PENGURUSAN WASIAT ISLAM

2-4 JUN 2010



Wasiat merupakan salah satu instrumen penting dalam perancangan harta umat Islam serta mempunyai kedudukan tersendiri dalam Islam dari segi hukum dan cara pelaksanaannya. Sekiranya instrumen ini diuruskan dengan teratur, nasib kaum kerabat terdekat yang memerlukan bantuan akan lebih terbela. Sehingga kini, hanya tiga negeri di Malaysia yang aktif melaksanakan instrumen wasiat di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing. Memandangkan peri pentingnya instrumen wasiat ini, maka JAWHAR merancang untuk menerbitkan sebuah manual pengurusan bagi membantu memperkemaskin prosedur pelaksanaan instrumen wasiat di negeri-negeri.

Sehubungan itu, satu Mesyuarat Penyediaan “Manual Pengurusan Wasiat Islam” (MPWI) telah diadakan pada 2 hingga 4 Jun 2010 bertempat di Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (ILKAP), Bangi, Selangor. Objektif utama mesyuarat penyediaan MPWI ini adalah untuk membentangkan penulisan awal para pakar rujuk berkaitan konsep wasiat serta aplikasinya di Malaysia serta membincangkan penyediaan garis panduan dan prosedur yang jelas serta seragam mengenai pengurusan harta wasiat bagi semua MAIN.

Sepanjang tiga hari berlangsungnya mesyuarat penyediaan MPWI ini, pakar rujuk yang terdiri daripada Y.Bhg. Prof. Madya Mohd Ridzuan bin Awang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ustaz Mohd Zamro bin Muda (UKM), Ustaz Indera Shahril bin Mohd Shahid, Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS), Tuan Hj. Sulaiman bin Kadimi, Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Cawangan Pahang (UPPKPTG) dan En. Ahmad Saruji bin Abdul Aziz dari Amanah Raya Berhad (ARB) serta pegawai Majlis Agama Islam Negeri-negeri telah memberikan informasi, idea, saranan serta pengalaman yang sangat membantu dalam menjayakan penerbitan MPWI ini.

Draf awal manual telah dimuktamadkan pada hari ketiga mesyuarat dan akan dimurnikan oleh pihak urus setia sebelum dikemuka bagi tujuan penambahbaikan oleh semua ahli mesyuarat sedikit masa lagi. Majlis Penutup Mesyuarat Penyediaan MPWI telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Zakat iaitu Y.Brs. Tuan Hj. Ab Rahim bin Zakaria, bagi pihak Y.Bhg. Ketua Pengarah JAWHAR.

MAJLIS PERASMIAN ASRAMA ANAK YATIM, DERGA, KEDAH

17 JUN 2010

Projek Pembinaan Bangunan Asrama Anak Yatim Derga, Kedah di bawah RMKe-9 Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merupakan projek pertama siap dan pertama digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Bangunan asrama ini yang bernilai RM2.08 juta telah siap pada 15 Disember 2009 di atas tanah wakaf seluas 2.04 hektar dan penyerahan bangunan ini telah dibuat pada 30 Disember 2009 oleh JAWHAR kepada Majlis Islam Negeri Kedah (MAIK) untuk digunakan oleh anak-anak yatim sekitar Negeri Kedah.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Kedah, Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dengan penuh meriah dan dihadiri oleh kira-kira 400 tetamu jemputan. Seramai kira-kira 100 orang anak yatim lelaki dan perempuan sekitar Alor Setar Kedah telah berbaris gembira menunggu keberangkatan tiba Sultan Kedah jam 10.30 pagi. Turut hadir sama di majlis perasmian ini ialah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B) dan Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Y.Bhg. Datuk Dr. Mashitah binti Ibrahim.

Dalam ucapan perasmian tersebut, Baginda bertitah agar kerjasama Kerajaan Persekutuan menerusi JAWHAR dan MAIK terus terjalin erat bagi memastikan pembangunan tanah wakaf di Negeri Kedah dapat dimajukan secara komprehensif. Maka secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah secara optimum. Y.B. Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) dalam sidang medianya berkata, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM256.4 juta di bawah RMke-9 kepada JAWHAR bagi melaksanakan sebanyak 18 projek pembangunan berbentuk fizikal dan empat projek bukan fizikal di atas tanah wakaf yang dikenal pasti berpotensi dan strategik. Selaras dengan visi dan misi JAWHAR dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, kesemua 18 projek fizikal di bawah RMke-9 dilaksanakan mengikut fokus utama seperti ekonomi, kesihatan, pendidikan, perumahan dan agama.

Di akhir majlis, DYMM Sultan Kedah telah berkenan menamakan bangunan asrama tersebut dengan nama Bangunan Asrama Anak Yatim Darul Aitam Wal Masakin Sultanah Haminah binti Hamidun. Majlis bersurai jam 1.30 tengahari selepas keberangkatan pulang DYMM Baginda Sultan Negeri Kedah Darul Aman.





MAJLIS PENYERAHAN BANGUNAN ASRAMA ANAK YATIM DI ATAS LOT 2283 MUKIM MACHANG, KELANTAN

18 APRIL 2010

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mencatat sejarahnya tersendiri kerana projek yang ketiga bagi pembangunan hartaanah wakaf di bawah RMKe-9 telah berjaya disiapkan sepenuhnya. Majlis penyerahan bangunan telah disempurnakan dengan penyerahan replika kunci bangunan oleh Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Ahmad, Pengarah JKR Kelantan kepada Y.Bhg. Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR. Seterusnya penyerahan replika kunci bangunan dilaksanakan oleh Ketua Pengarah JAWHAR kepada Y.Bhg. Dato' Hj. Kamaruddin bin Mohd Zin, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) selaku pemegang amanah tunggal tanah wakaf tersebut.

JAWHAR mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih di atas bantuan serta pemantauan pihak JKR Negeri Kelantan dan JKR Jajahan Machang dalam melaksanakan projek ini yang telah bermula pada 6 Julai 2009 sehingga ia berjaya disiapkan. Penghargaan turut diberikan kepada MAIK kerana telah menyediakan tanah wakaf yang strategik bagi pembangunan projek asrama anak yatim.

Projek ini telah memperoleh Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 15 April 2010, iaitu bersamaan tarikh siap semasa projek tersebut. Ini menandakan

bahawa agensi agama Islam seperti JAWHAR juga mampu menyiapkan projek dengan kualiti dan kos yang sempurna setanding agensi-agensi yang lain. Walaupun projek ini hanya menelan belanja sebanyak RM1.5 juta dari peruntukan keseluruhan RMKe-9 berjumlah RM 256.4 juta, namun ia memberikan gambaran betapa Kerajaan memandang serius akan keperluan penyediaan kemudahan penginapan serta lain-lain kemudahan fizikal kepada golongan anak yatim di sekitar negeri Kelantan.



MAJLIS PENYERAHAN BANGUNAN RUANG NIAGA DI ATAS LOT 85-94, MUKIM ULU KINTA, TAMBUN, PERAK 30 APRIL 2010



Satu lagi projek pembangunan harta tanah wakaf JAWHAR di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) telah berjaya disiapkan. Projek pembangunan ruang niaga di atas tanah wakaf seluas 21,967 kaki persegi ini mengandungi 4 lot kedai 2 tingkat dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Projek bernilai RM1.5 juta ini telah mula dibina pada 24 April 2009 dan siap pada 21 April 2010 telah dilaksanakan oleh SEMSAS Sdn Bhd dan JKR Daerah Kinta sebagai pegawai penguasa. Majlis penyerahan bangunan telah disempurnakan dengan menandatangani dokumen penyerahan bangunan oleh Y.Bhg. Tuan Hj. Ahmad Baidove bin Hj. Anuar, Timbalan Pengarah JKR Perak kepada Y.Bhg. Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR. Seterusnya bangunan ini diserahkan kepada Y.Bhg. Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) selaku pemegang amanah tunggal tanah wakaf tersebut.



Projek ini merupakan salah satu daripada dua projek pembangunan harta tanah wakaf di negeri Perak yang dilaksanakan di bawah RMKe-9. Satu lagi projek merupakan pembangunan Hotel Wakaf di Taiping, Perak yang akan siap pada bulan November 2010. Projek ruang niaga ini adalah projek fizikal keempat yang berjaya disiapkan berbanding 18 projek fizikal yang lain di bawah RMKe-9. Program Pembangunan Hartanah Wakaf dalam RMKe-9 ini merupakan inisiatif julung-julung kalinya melibatkan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Walaupun projek ini baru sahaja siap dibina, MAIPK telah menerima banyak permohonan daripada usahawan muslim yang memohon untuk menyewa bangunan tersebut. JAWHAR mensasarkan bahawa projek ini dapat memberi kemudahan serta peluang kepada usahawan Muslim terutamanya golongan asnaf yang berdaya maju dan komited untuk menjalankan aktiviti perniagaan bagi meningkatkan pendapatan dan keluar dari kepompong kemiskinan seterusnya berpeluang menjadi penyumbang zakat di masa akan datang.



MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS PEMBENTUKAN ENTITI BAITULMAL KEBANGSAAN
12 APRIL 2010



MESYUARAT PENYEDIAAN MANUAL
PENGURUSAN WASIAT
14 APRIL 2010

LAWATAN AMALAN 5S JAWHAR
KE KEMENTERIAN KEWANGAN
22 APRIL 2010



JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE BIL 2/2010
26 APRIL 2010



LAWATAN 5S OLEH JKSM KE JAWHAR
27 APRIL 2010

LAWATAN AMALAN 5S JAWHAR KE KEMENTERIAN
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
30 APRIL 2010



LAWATAN WAKIL SUDAN KE JAWHAR
25 MEI 2010

TAKLIMAT SISTEM INTRANET JAWHAR
27 MEI 2010



LATIHAN SISTEM e-WAKAF BERSAMA MAIN SABAH,
PERAK DAN KEDAH
2-3 JUN 2010

TEMUBUAL BERSAMA SINAR HARIAN
7 JUN 2010



JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE BIL 3/2010
21 JUN 2010



LAWATAN 5S OLEH MAIN NEGERI SEMBILAN KE JAWHAR
30 JUN 2010



HARI BERSAMA KETUA PENGARAH JAWHAR



14 APRIL 2010

21 MEI 2010

24 JUN 2010

HIBAH MEMBENTUK MASYARAKAT IDEAL

Oleh: Murid Fadzli bin Musa



Hibah ialah suatu kontrak pemindahan hak milik tanpa sebarang balasan yang dilakukan ketika masih hidup dan secara sukarela. **Hibah** lebih bersifat umum daripada sedekah dan hadiah kerana hibah boleh berlaku tidak kira orang yang kaya atau miskin, sama ada bertujuan untuk mendapatkan pahala atau tidak, dan sama ada barang yang diberikan dipindahkan kepada penerima atau tidak.

Perbezaan utama antara ketiga-tiga istilah tersebut adalah dari segi tujuan pemberian di mana **sedekah** merupakan pemberian dengan tujuan untuk mendapatkan pahala dari Allah S.W.T. dan ia biasanya diberikan oleh golongan yang kaya kepada yang miskin. Manakala **hadiah** pula merupakan pemberian untuk memuliakan seseorang atau kepada orang yang mahu didekati dan dikasihi yang biasanya ada hubung kait dengan sesuatu perkara dan biasanya melibatkan perpindahan barang yang dihadiahkan kepada penerima. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa sedekah dan hadiah adalah sebahagian daripada hibah.

Hibah merupakan suatu amalan sunat dan amat digalakkan dalam Islam, terutama kepada saudara mara dan kaum keluarga terdekat. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Bukanlah perkara kebaikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebaikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya – sedang ia menyayanginya, – kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta...”

(Surah al-Baqarah, ayat 177)

Bagi orang yang menerima hibah pula adalah digalakkan membalaik semula pemberian yang diberikan sekiranya berkemampuan kerana mencontohi amalan Rasulullah S.A.W. sebagaimana hadis daripada 'Aisyah r.a. yang bermaksud:

“Apabila Rasulullah S.A.W. menerima hadiah, Baginda akan membalaiknya.”

(Hadis riwayat Imam Bukhari)

Hibah mempunyai empat rukun iaitu pemberi hibah (*al-wahib*), penerima hibah (*al-mauhub lah*), barang yang dihibahkan (*al-mauhub*) serta ijab dan kabul (*al-sighah*). Hibah yang telah sempurna rukun-rukun dan syarat-syaratnya masih boleh ditarik balik jika belum berlaku penyerahan dan penerimaan barang (*al-qabd*), tetapi apabila disertakan dengan *al-qabd* maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik kecuali hibah yang dibuat oleh bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan *usul* yang lain) kepada anak-anaknya (termasuk juga cucu, cicit dan keturunannya ke bawah) selama mana harta itu tidak ada kaitan dengan orang lain. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Tidak halal bagi seorang lelaki memberikan sesuatu pemberian, atau menghibahkan sesuatu hibah kemudian dia memintanya semula kecuali bapa meminta semula apa yang diberikan kepada anaknya.”

(Hadis riwayat Imam Tirmizi)

Hibah yang dibuat semasa *marad al-maut* pula iaitu oleh seseorang yang sedang sakit tenat yang boleh membawa kepada kematian melibatkan dua jenis undang-undang iaitu hibah dan wasiat. Sekiranya pemberi hibah menemui ajal berikut dengan lafadz pemberian itu, maka pemberian itu samalah seperti pemberian melalui wasiat dan tertakluk kepada hukum-hukum wasiat iaitu pemberian tidak boleh melebihi satu pertiga daripada harta si mati dan tidak boleh diberikan kepada ahli waris melainkan waris-waris lain telah bersetuju.

Walau bagaimanapun, jika pemberi hibah itu masih hidup selepas itu maka pemberian itu tertakluk kepada hukum hibah iaitu pemberian semasa hidup di mana Islam tidak menetapkan golongan penerima atau kadar yang tertentu bagi harta yang dihibahkan.

Antara hikmah pensyariatan hibah adalah untuk mewujudkan masyarakat yang ideal dan harmoni yang hidup berlandaskan semangat kasih sayang dan kemesraan, saling berhubungan dan rapat. Hibah menjadi salah satu cara yang berkesan untuk mewujudkan suasana ini, kerana amalan ini menyemai budaya saling hormat-menghormati dan berkasih-sayang. Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

“Bertukar-tukarlah hadiah nescaya kamu akan saling berkasih-sayang.”

(Hadis riwayat Imam Malik)

Hibah juga dapat mewujudkan sifat tolong-menolong sesama umat Islam serta menghilangkan perasaan dendam dan sakit hati antara satu sama lain. Ini kerana sudah menjadi tabiat manusia untuk merasa kasih terhadap orang yang menghormati dan melayan dirinya dengan baik serta menunjukkan sikap mesra dan hormat terhadapnya. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Bertukar-tukarlah hadiah kerana hadiah akan menghilangkan kesempitan dada.”

(Hadis riwayat Imam Tirmizi)

Rasulullah S.A.W. juga menggalakkan supaya menerima hibah yang diberikan dan tidak menolaknya supaya tidak melukakan hati pemberi atau menyebabkannya merasa dipandang rendah melainkan jika ada alasan-alasan yang dibenarkan oleh syarak dan hendaklah dijelaskan secara baik. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Sesiapa yang menerima pemberian saudaranya walaupun tidak diminta dan bukan untuk membangga diri, dia hendaklah menerimanya dan jangan menolaknya. Itu adalah rezeki yang Allah hulurkan untuknya.”

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Kesimpulannya, hibah merupakan amalan yang dapat membantu ekonomi masyarakat Islam melalui amalan saling memberi dan dalam masa yang sama merapatkan ikatan persaudaraan dan pertalian kasih sayang sesama insan. Amalan ini amat wajar disuburkan dalam kehidupan semua ahli masyarakat lantaran ia boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti melalui pemberian harta, makanan, minuman, wang ringgit dan sebagainya.

TIPS MEMILIH AGENSI PENGELOLA BADAL HAJI

Oleh: Wan Najmiah binti Wan Mohamad Ali

Ibadah haji merupakan kewajiban agama yang mesti ditunaikan oleh setiap muslim sekiranya berkemampuan. Sekiranya seseorang muslim tidak mampu melakukan ibadah haji sedangkan dia berkuasa disebabkan beberapa keuzuran syarak atau tidak berkesempatan semasa hidup, dia wajib disempurnakan secara badal haji.

Badal haji ialah ibadah haji yang dilaksanakan oleh seseorang individu bagi pihak individu lain yang terhalang daripada melakukan ibadah tersebut disebabkan oleh beberapa halangan menurut syarak. Ini diharuskan di sisi syarak berdasarkan pandangan jumhur ulamak dari kalangan mazhab Syafie, Hanafi dan Hanbali.

Pandangan jumhur ulamak tersebut adalah berpandukan kepada hadis-hadis antaranya: hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Abbas R.A. yang bermaksud:

“Seorang perempuan daripada puak Khath’amm telah datang (menemui Rasulullah S.A.W.) dan bertanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibadah haji telah difardhukan oleh Allah S.W.T. ke atas hamba-hambanya ketika bapaku telah berusia lanjut dan tidak mampu lagi untuk berada di atas tuggangan (untuk bermusafir mengerjakan ibadah haji), adakah dia wajib mengqada’kannya dengan cara aku melakukan ibadah haji tersebut bagi pihaknya? Rasullah S.A.W. bersabda: Ya.”

Hadir riwayat Imam Baihaqi dan Ibnu ‘Asakir yang bermaksud:

“Barangsiapa yang mengerjakan haji bagi kedua ibubapnya selepas mereka meninggal dunia, maka disuratkan oleh Allah baginya pelepasan dari neraka dan orang yang dihajikan baginya pahala satu haji yang sempurna dan tiada kurang pahala dari keduanya sedikit pun.”

Dan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Ibnu Abbas R.A. yang bermaksud:

“Seorang perempuan daripada puak Juhainah telah datang menemui Rasulullah S.A.W. dan berkata: Sesungguhnya ibuku telah bernazar untuk mengerjakan ibadah haji, tetapi tidak sempat menunaikannya sebelum dia meninggal dunia, adakah aku boleh mengerjakan ibadah haji itu bagi pihaknya? Rasulullah S.A.W. bersabda: Ya, tunaikanlah ibadah haji itu bagi pihaknya. Apakah pandanganmu jika ibumu mempunyai hutang, sudah tentu kamu akan melangsankannya hutang tersebut (bagi pihaknya). Langsaikanlah hutang (dari segi ibadah) kepada Allah, sesungguhnya hutang kepada Allah adalah lebih patut untuk kamu langsaikan.”

Imam Al-Kamal bin Al-Hummam telah menjelaskan dengan lebih lanjut bahawa jika dipandang dari aspek qias, ibadah haji tidak boleh diwakilkan kepada sesiapapun kerana ia merupakan ibadah yang melibatkan aspek fizikal dan material. Walaupun begitu, syarak telah

memberi kelonggaran (rukhsah) di dalam permasalah ini agar orang yang dirinya tidak berkemampuan untuk mengerjakan haji sendiri boleh mengerjakan ibadah tersebut dengan membayar orang lain atau warisnya membayar bagi pihaknya untuk menunaikan haji bagi pihak dirinya.

Kesedaran umat Islam mengenai ibadat badal haji semakin meningkat hasil dari dakwah yang diterima dan peningkatan taraf ekonomi ummah. Permintaan untuk melaksanakan badal haji semakin bertambah setiap tahun. Jika dilihat iklan di akhbar-akhbar tempatan, iklan untuk mengerjakan badal haji sentiasa ada, baik ditawarkan oleh agensi pelaksana maupun oleh orang perseorangan. Bagaimanapun, bayaran yang dikenakan adalah berbeza-beza kerana hingga hari ini tiada satupun badan berkuasa yang menentu dan menyelaraskan kadar bayaran badal haji. Kerap kedengaran rungutan orang ramai yang meluahkan rasa tidak puas hati dan tidak yakin terhadap kesahihan ibadah yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana.

Tatacara Pelaksanaan Badal Haji

Seseorang yang berhasrat untuk mengupah agensi pelaksana atau orang perseorangan untuk melaksanakan badal haji perlu tahu tatacara pelaksanaan badal haji seperti berikut:

1. Agensi atau individu pelaksana yang terlibat perlu menyediakan beberapa dokumen seperti borang pendaftaran, resit penerimaan wang, lafaz akad dan sijil badal haji.
2. Untuk membuktikan badal haji telah selesai dilaksanakan dengan sempurna, Sijil Badal Haji (yang telah ditandatangani oleh pelaksana serta disahkan oleh pihak yang bertanggungjawab) hendaklah diserahkan kepada pengupah. Kebiasaan penyerahan sijil tersebut diiringi dengan sedikit cenderamata.
3. Kos perbelanjaan pengurusan bagi melaksanakan badal haji ini diambil dari wang upah haji melalui akad ijarah zimmah.
4. Pelaksana badal haji kebanyakannya terdiri daripada orang melayu Makkah, para pelajar dan individu yang dikenali oleh agensi pelaksana yang memang biasa mengambil upah haji bagi setiap musim haji.
5. Seorang pelaksana badal haji boleh melaksanakan satu fardhu badal haji sahaja bagi setiap musim. Tidak sah seorang pelaksana mengutip banyak upah badal haji untuk dirinya sendiri dalam satu tahun kerana dia hanya boleh menunaikan badal haji untuk seorang sahaja. Bakinya hendaklah diberikan kepada orang lain untuk disempurnakan.



Bagaimana Memilih Agensi Pelaksana

Sehingga hari ini, penyempurnaan badal haji menjadi persoalan kerana tiada badan atau agensi kerajaan yang menjadi penyelaras dan pengawalnya. Orang ramai yang ingin menggunakan perkhidmatan agensi pelaksana badal haji perlu berhati-hati dalam melantik agensi pelaksana badal haji. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dibuat bagi memastikan ibadah tersebut berjaya disempurnakan.

1. Membuat perbandingan harga.

Buatlah kajian tentang harga-harga yang ditawarkan oleh agensi pelaksana badal haji dan analisa kemunasabahan harga yang ditawarkan. Jangan terlalu obses dengan harga murah yang ditawarkan melalui iklan-iklan kerana kemungkinan ada terma-terma yang memerlukan penambahan kos di kemudian hari.

2. Menyelidik kesahihan agensi pelaksana.

Selidik dahulu kesahihan agensi yang menawarkan perkhidmatan badal haji. Ini adalah kerana terdapat agensi-agensi pelaksana yang beroperasi secara ilegal. Pastikan alamat dan pejabat agensi pelaksana betul dan agensi beroperasi secara sah.

3. Menyemak dokumen-dokumen yang disediakan oleh agensi pelaksana.

Semak setiap dokumen yang disediakan oleh agensi pelaksana. Sekiranya terdapat terma-terma yang tidak difahami, mintalah penjelasan daripada agensi terbabit.

4. Menyoal selidik agensi pelaksana mengenai siapa yang akan melaksanakan.

Tanya agensi pelaksana siapakah yang akan melaksanakan badal haji tersebut. Maklumat ini penting kerana akad

wakalah yang akan dibuat untuk mewakilkan pelaksana berbeza dengan akad wakalah kepada pelaksana sendiri.

5. Memastikan mendapat resit bagi setiap bayaran yang dibuat.

Pastikan resit bagi setiap bayaran diperolehi. Ini penting bagi mengesahkan wujud perjanjian antara kedua belah pihak. Jangan terlalu mudah mempercayai wakil-wakil dari agensi pelaksana dan dapatkan pengesahan daripada agensi pelaksana sendiri.

Penutup

Badal haji merupakan jalan keluar bagi melunaskan kewajiban haji yang tidak mampu dilaksanakan sendiri kerana ditimpa kezuruan yang tiada harapan untuk sembah atau tidak sempat dilakukan oleh seseorang Muslim yang memenuhi syarat berkemampuan kerana meninggal dunia. Justeru itu, amatlah penting ianya disempurnakan sebaik mungkin oleh agensi pelaksana atau sesiapa sahaja yang melaksanakan badal haji kerana ia merupakan amanah. Tanggungjawab sebagai pemegang amanah adalah sangat berat. Oleh itu, pelaksanaan amanah yang diberi perlu mengikuti tatacara yang sepatutnya berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Syarak. Jangan kerana terlalu mengejar keuntungan kebendaan, pemegang amanah mengambil mudah ibadah badal haji yang diamanahkan. Diharapkan Sijil Badal Haji yang dikeluarkan mempunyai nilai ketulusan dan integriti sehingga tidak lagi menimbulkan keraguan di hati masyarakat awam.

GOTONG-ROYONG PERDANA JAWHAR SIRI 2/2010 21 MEI 2010

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menganjurkan program Gotong-Royong Perdana buat kali kedua. Program gotong-royong ini diadakan selaras dengan usaha untuk memartabatkan Amalan 5S di Jabatan ini.

Seluruh warga JAWHAR telah menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi dalam melaksanakan program ini. Ketua-ketua Zon 5S dan anak-anak buahnya tidak kira pangkat atau gelaran jawatan telah sama-sama menyingsing lengan untuk menyisih, menyusun, menyapu dan menyeragamkan susun atur serta persekitaran kerja zon masing-masing. Hasil bahan-bahan buangan ini akan dikumpulkan dan dilupuskan sewajarnya bagi menjana pendapatan kepada Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR.

Program gotong-royong ini diakhiri dengan jamuan makan tengah hari. Semoga Amalan 5S JAWHAR akan terus diwarnai dengan aktiviti-aktiviti yang lebih ceria bagi menghidupkan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan mesra pengguna dengan menjamin kemampunan persekitaran kerja yang kondusif. Semoga aktiviti ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan warga JAWHAR.



PERTUKARAN DAN LANTIKAN BARU WARGA JAWHAR APRIL - JUN 2010

PERTUKARAN KELUAR PEGAWAI-PEGAWAI JAWHAR

Bil.	Nama	Jawatan	Ke Jabatan / Kementerian	Tarikh Bertukar
1	Puan Norhaya binti Idrus	Pembantu Tadbir, Bhg. Haji	IPD Langkawi	19/04/2010
2	Encik Mohammad Firdaus bin Abdul Rahim	Pembantu Tadbir, Bhg. Teknologi Maklumat	IPD Ipoh, Perak	19/04/2010
3	Puan Fairus binti Baharin	Pembantu Tadbir, BKPSM	MAMPU	30/04/2010
4	Encik Aizol Amri bin Abdul Halim Azimin	Penolong Akauntan, Bhg. Zakat	Jabatan Insolvensi Negeri Johor	01/05/2010
5	Encik Abd. Ghafar bin Yusof	Timbalan Ketua Pengarah	Kementerian Pengangkutan	01/06/2010
6	Puan Hazliana binti Tahar	Pembantu Hal Ehwal Islam, Bhg. Zakat	IPK Kuala Terengganu	7/06/2010

PERTUKARAN MASUK PEGAWAI-PEGAWAI JAWHAR

Bil.	Nama	Jawatan	Daripada Jabatan / Kementerian	Tarikh Lapor Diri
1	Encik Khalid bin Mohamed	Timbalan Ketua Pengarah	Kementerian Kewangan	01/06/2010
2	Puan Norlina Safidah binti Mohammed Shafri	Penolong Akauntan, Bhg. Zakat	Jabatan Akauntan Negara	16/06/2010
3	Cik Norhanisah binti Mohd Muad	Pembantu Tadbir, Bhg. Haji	Lantikan Baru	14/06/2010
4	Cik Nurrul Hafiza binti Zainal	Pembantu Tadbir, Bhg. Teknologi Maklumat	Lantikan baru	14/06/2010
5	Encik Mohd Zamri bin Ridzuan	Pemandu, BKPSM	Lantikan Baru	16/06/2010

Hadis Pilihan

Hadis Anas R.A. meriwayatkan:

Apabila Ramadhan bermula, maka Rasulullah S.A.W. pun bersabda:
“Sesungguhnya telah datang kepadamu suatu bulan yang terdapat di dalamnya satu malam yang terlebih baik daripada seribu bulan....”

P
e
r
m
a
t
a

J
a

w
h
a
r



Nama ayah: Mohd Riduan b. Hussin
Jawatan: Penolong Akauntan (BKPSM)
Nama anak: Mohamad Wafi b. Mohd Riduan
Tarikh lahir: 9 April 2010



Nama ayah: En. Sirajul Fahmi b. Omar
Jawatan: Pembantu Tadbir Kontrak (Zakat)
Nama anak: Ameera Maisarah bt. Sirajul Fahmi
Tarikh lahir: 16 Mei 2010



Nama ayah: Mohd. Fazri b. Zulkalnaini
Jawatan: Pengawal Keselamatan (BKPSM)
Nama anak: Muhammad Faaeq b. Mohd. Fazri
Tarikh lahir: 21 Mei 2010



Nama ayah: Ahmad Munir b. Ishak
Jawatan: Ketua Penolong Pengarah
(Penyelidikan & Penyelarasian)
Nama anak: Nur Insyirah bt. Ahmad Munir
Tarikh lahir: 26 Mei 2010



Nama ayah: Mustafidurrohman b. Mohd Syahroni
Jawatan: Pembantu Hal Ehwal (Wakaf)
Nama anak: Niyaz Ilyani bt. Mustafidurrohman
Tarikh lahir: 1 Jun 2010



Nama ibu: Ruhayawati Ramli
Jawatan: Akauntan (Zakat)
Nama Anak: Nur Shafa' Salsabila bt. Khairul Faridzan
Tarikh lahir: 14 Jun 2010

Selamat Pengantin Baru

Majlis perkahwinan Pn.

Norlizah bt. Mainoordin, Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian telah selamat dilangsungkan pada hari Jumaat, 4 Jun 2010 bertempat di Dewan Balai Rakyat, Jalan Patani, Pulau Pinang.



Majlis perkahwinan

En. Muhamad Ridzuan b. Sabli, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat telah selamat dilangsungkan pada hari Ahad, 20 Jun 2010 bertempat di Blok S PT. 355 Taman Serai Jaya. 34300 Bagan Serai, Perak.


Kehilangan ahli keluarga

Dimaklumkan bahawa ibu kepada Pn. Chik Asiah binti Md Yusuf (Bhg. PUU) telah kembali ke Rahmatullah pada 25 Mei 2010. Marilah kita bersama-sama sedekahkan al-fatihah. Semoga rohnya dicucuri rahmat.

Takziah....innalillahi wainna ilahirojiun...



Karnival
INOVASI
ISLAM
Peringkat Kebangsaan 2010



جامعة إسلام ملaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Sijil Penyertaan

kepada

Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR)

kerana menyertai

Ekspo & Pameran

sempena

**Karnival Inovasi Islam
Peringkat Kebangsaan 2010**

pada

5 hingga 8 Ogos 2010

bertempat di

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin
Presint 3, Putrajaya



DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



ISSN 1985-2029



9 771985 202000